

# **Kepercayaan dan Amalan Agama Baha'i dalam Kalangan Orang Asli RPS Jernang, Sungkai, Perak**

*(Beliefs and Ritual Practices of Baha'i Religion amongst Orang Asli in RPS Jernang, Sungkai, Perak)*

**Bazilah Daud, Zanariah Noor & Nazirah Lee**

## **Abstrak**

*Artikel ini membincangkan tentang sejarah perkembangan agama Baha'i serta kepercayaan dan amalan agama Baha'i dalam kalangan masyarakat orang Asli di RPS Jernang, Sungkai Perak. Tumpuan utama adalah kepada masyarakat Semai yang merupakan golongan majoriti penganut agama Baha'i di kawasan kajian. Kajian dilakukan melalui kajian lapangan yang dikendalikan di kawasan penempatan masyarakat ini dan temubual dengan individu penting dalam agama Baha'i. Perkembangan agama Baha'i telah mengubah konsep ketuhanan di kalangan Orang Asli di RPS Jernang. Namun begitu, perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan kematian masih lagi diuruskan berasaskan kepada kepercayaan asal. Amalan agama Baha'i sangat menonjol dalam aspek ritual dan mereka mengadakan majlis-majlis berkaitan agama Baha'i yang disertai oleh seluruh lapisan masyarakat. Amalan ritual seperti sembahyang, berpuasa, bersedekah dan perayaan-perayaan agama juga turut dipraktikkan dengan meluas. Jelasnya, agama Baha'i mempengaruhi cara hidup dalam kalangan masyarakat orang Asli di RPS Jernang.*

**Kata kunci** Orang Asli, Baha'i, Kepercayaan, Amalan

## **Abstract**

*This article attempts to discuss the history of the development of Baha'i religion as well as their beliefs and rituals practice by the Orang Asli of RPS Jernang, Sungkai Perak. The main focus is on the majority among the Baha'i followers; the Semai. This article is based on the information collected in this area. The study was carried-out questionnaires and interviews with prominent people of Baha'is. Information collected from this study suggests that the concept of divinity had changed amongst the Orang Asli. However, the Orang Asli still maintained their traditions when conducting their marriage affairs and funerals. The ritual activities within the community of Orang Asli in RPS Jernang are influenced by the Baha'i teachings. The religious programmes and activities were usually planned to involve the whole community. Ritual activities that were suggested in the Baha'i religion such as pray, fasting, giving alms and celebrations are widely practiced in RPS Jernang. In conclusion, the Baha'i religion very much influenced in the community of Orang Asli in RPS Jernang.*

**Keywords** Orang Asli, Baha'i, Beliefs, Ritual Practices

## **PENGENALAN**

Sejarah perkembangan agama Baha'i di Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli merupakan golongan yang diberikan tumpuan khusus oleh penyebarkan agama Baha'i sejak tahun 1950an. Menjelang 1980an penyebarkan agama Baha'i menumpukan perhatian mereka di kawasan Perak Selatan dan ini bertepatan dengan waktu pembukaan Rancangan Penempatan Semula (RPS) Jernang di Sungkai Perak. Hasil daripada kegiatan tersebut, 97 peratus daripada penduduk RPS Jernang pada hari ini menganut agama Baha'i. Ia dilihat sebagai satu jumlah yang sangat besar dan signifikan. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan tentang sejarah kegiatan penyebaran agama Baha'i dan menilai sejauhmanakah ajaran agama Baha'i berperanan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli di RPS Jernang. Tumpuan khusus diberikan kepada suku kaum Semai yang merupakan majoriti penganut agama ini. Maklumat yang dikemukakan adalah hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan di penempatan berkenaan dan individu-individu yang mempunyai kaitan langsung dengan penyebaran agama Baha'i dalam kalangan Orang Asli.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Agama Baha'i mempunyai nilai dan norma yang berbeza berbanding kepercayaan asal masyarakat Orang Asli di RPS Jernang. Sehubungan itu, penerimaan penduduk kampung ini kepada agama Baha'i membawa perubahan yang signifikan dalam kehidupan mereka. Transformasi ini perlu didokumenkan kerana ia boleh memberikan gambaran yang lebih jelas berhubung peranan agama dalam proses perkembangan sesebuah masyarakat.

Kajian-kajian terdahulu berkenaan Orang Asli di Malaysia, seringkali merumuskan bahawa mereka sedang mengalami perubahan dalam cara hidup dan budayanya (Nicholas 2000). Penyebab yang dikenalpasti sebagai penyumbang adalah pendedahan mereka kepada sektor ekonomi, sosial dan politik komuniti lain di Malaysia. Selain itu ia juga didorong oleh polisi kerajaan Malaysia sendiri yang mahu menjadikan orang Asli setaraf dengan kaum lain. Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan sekolah-sekolah di perkampungan mereka mempercepatkan lagi proses perubahan tersebut. Salah satu daripada pendekatan yang digunakan kerajaan untuk memajukan masyarakat Orang Asli adalah dengan memberikan penempatan kekal kepada mereka yang sebelum ini seringkali berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain. Ia dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Dalam rancangan ini masyarakat Orang Asli dalam sesebuah daerah akan dikumpulkan untuk tinggal dalam satu penempatan yang disediakan dengan kemudahan asas dan infrastruktur untuk mengawal keselamatan dan kebajikan mereka (Mustafa 2008).

Penempatan Orang Asli dalam satu kawasan yang tetap memberikan impak yang besar dalam hubungan sosial mereka dengan komuniti lain kerana mewujudkan hubungan secara langsung dengan melalui kegiatan ekonomi dan sosial. Aktiviti penjualan hasil hutan dan hasil pertanian sebagai contoh mendedahkan mereka kepada cara hidup masyarakat lain. Namun begitu, di samping faktor-faktor yang dinyatakan di atas, salah satu daripada faktor terpenting yang menyumbang kepada perubahan

ini adalah agama. Ini kerana agama berperanan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri individu supaya dapat memperbaiki gaya hidup yang kurang baik dan menjauhi diri daripada tingkah laku yang tidak baik. (Yong 2003). Ringkasnya, agama akan mengubah dan mengawal peribadi seseorang.

Sementara itu, menurut Pals (2001), kepercayaan adalah kekuatan atau dorongan dalaman yang memungkinkan (*force*) seseorang mahu berfikir dan bertindak. Kepercayaan akan membentuk hakikat kemanusiaan yang merupakan fitrah manusia dan mendorong mereka untuk yakin dan menginterpretasikan kepercayaannya. Hal ini bermaksud bahawa jiwa seseorang itu tidak akan tenang sekiranya dia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepercayaannya (Muharam 2005). Jelasnya, kepercayaan akan membentuk tingkahlaku seseorang berhubung sesuatu perkara.

## **AKTIVITIPENYEBARANAGAMABAHA'IDANTOKOH-TOKOHNYA**

Penyebaran agama Baha'i secara aktif di Malaysia bermula selepas 1980an. Ia adalah inisiatif daripada A.M Fodzar dan isterinya Shirin Fodzar yang berasal dari Mumbai India, tetapi menetap di Singapura. Mereka seringkali melawat bandar-bandar di Malaysia dari semasa ke semasa untuk menyebarkan agama Baha'i (Temuramah En. Ganesa Murthi, 1 Mac 2011). Hasil daripada aktiviti penyebaran mereka, pusat agama Baha'i dibuka di serata Malaysia. Pengikut agama ini di kawasan bandar terdiri daripada orang Cina, India dan Sikh.

Namun begitu, dari sudut sejarahnya, penyebaran agama ini telah dimulakan sejak 1950-an. Orang Asli merupakan salah satu komuniti yang diberikan tumpuan kerana pegangan animism mereka. Dengan itu, penyebar agama Baha'i telah menjalankan aktiviti mereka seawal 1957. Seorang tokoh yang dikenali sebagai Dr. Muhajir telah mencadangkan supaya penyebaran agama Baha'i dilakukan dalam kalangan Orang Asli dan kaum peribumi yang lain di Malaysia. Berikutan cadangan tersebut, pada awal tahun 1958, aktiviti penyebaran agama Baha'i dilancarkan di Kampung Dusun Tua Asli, Hulu Langat, Selangor (Manisegaran 2003).

Seterusnya, penyebaran agama Baha'i dijalankan di negeri-negeri lain seperti Perak, Pahang dan Kelantan (Ganesa Murthi, TT; Temubual Mari Yariah 18 Februari 2011). Perak merupakan salah sebuah negeri yang diberi tumpuan oleh penyebar agama Baha'i ekoran dari jumlah Orang Asli yang ramai di negeri tersebut. Di antara daerah yang dijadikan sasaran adalah Sitiawan, Lumut, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Kampar dan Bidor (Manisegaran 2003). Dalam tahun 1960 usaha penyebaran agama Baha'i di Perak (khususnya Tapah) dilakukan oleh penganut yang bernama Yan Kee Leong yang mengajar agama Baha'i kepada penghuni penempatan komuniti Orang Asli di Bidor. Usaha penyebaran ini dilakukan secara berterusan. Sehingga 1985, penyebar agama Baha'i yang terdiri daripada Yan Kee Leong, Leong Tat Chee, Sathiawan Singh, K.S.Sidhu dan Pn. Yan Kee Leong telah berjaya menyebarkan fahaman agama Baha'i di Sitiawan, Lumut, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Kampar dan Bidor.

Sebelum itu, tumpuan penganut Baha'i untuk mengembangkan agama tersebut di Perak selatan diterjemahkan melalui tindakan Jawatankuasa Mengajar Nasional (JMN) pada 1976. JMN telah mengeluarkan surat yang mengarahkan supaya pengajar Baha'i ditempatkan di 10 Majlis Rohani Tempatan di Perak selatan. Antara kawasan

yang disenaraikan adalah Tanjong Malim, Slim River, Slim Village, Bidor, Teluk Intan, Kampar, Ringlet (Cameron Highlands), Batu Gajah, Estet Narborough dan Estet Hendra (Manisegaran 2003). Kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas mempunyai komuniti Orang Asli yang agak besar dan memperlihatkan bahawa penyebar agama Baha'i berusaha untuk menyebarkan agama tersebut dalam kalangan komuniti ini.

Ia bukanlah sesuatu yang baharu kepada penyebar agama Baha'i. Orang Asli telah dijadikan sasaran utama mereka sejak dari pelancaran Rancangan Sembilan Tahun yang diumumkan oleh Balai Keadilan Sedunia (BKS) penganut agama Baha'i sejak 1964. Bagi mencapai matlamat tersebut, BKS mensasarkan untuk menerbitkan bahan bacaan berkaitan agama Baha'i dalam bahasa Semang, Negrito, Temiar dan Jakun serta mengajar dalam etnik-etnik yang ada di Malaysia seperti Senoi, Kedayan, Belait, Tutong, Bisayan, Bajau, Illanos, Sukukus dan Bisaya. Selari dengan rancangan tersebut, seorang penyebar agama Baha'i dari Alor Setar Kedah yang dikenali sebagai Lim Kok Hoon telah menterjemahkan karya-karya penting agama Baha'i ke dalam dialek Senoi, Temiar dan Temuan. Penghasilan bahan bacaan seperti ini memberikan pendedahan yang baik berhubung ajaran agama Baha'i kepada Orang Asli di Malaysia.

Keberkesanan penyebaran agama Baha'i dalam kalangan Orang Asli ini juga didorong oleh semangat dan dedikasi yang diberikan oleh penganut agama ini untuk menyebarkan ajaran agama mereka kepada umum. Di Seremban contohnya Yan Kee Leong dengan sokongan Majlis Rohani Tempatan (Seremban) dan Majlis Rohani Negara mencabar belia-belia beragama Baha'i untuk menyebarkan agama tersebut di Melaka dan Seremban. Manakala, seorang posmen yang dikenali sebagai Krishnan yang berasal dari Melaka telah meletakkan jawatannya demi untuk menumpukan usaha bagi menjalankan aktiviti penyebaran agama Baha'i dalam kalangan orang Asli di Tapah dan Bidor.

Komitmen penyebar agama Baha'i untuk mengembangkan agama tersebut dalam kalangan Orang Asli sangat tinggi. Ini terbukti melalui penubuhan *Asli Committee* yang dianggotai oleh G. A. Naidu, Yong Siew Kang, Mari dan Bornoh Dass. Komiti ini meneruskan perancangan Balai Keadilan Sedunia dengan menghasilkan 20 jenis penerbitan yang terdiri daripada buku dan buku kecil untuk melatih komuniti orang asli. Bagi memastikan agama tersebut dihayati, *Asli Committee* cuba menanamkan budaya menghargai ilmu dalam kalangan Orang Asli. Mereka menggalakkan Orang Asli untuk mempunyai pusat sumber sendiri. Di Perak, misi tersebut cuba direalisasikan oleh Majlis Rohani Negara dengan membeli sebidang tanah berhampiran daerah Bidor untuk dijadikan pusat latihan Orang Asli pada masa akan datang.

Dalam perbincangan berhubung perkembangan agama Baha'i dalam kalangan Orang Asli, banyak tokoh dari pelbagai kaum yang telah menyumbangkan tenaga mereka. Di kawasan Perak Selatan seorang India yang dikenali sebagai D. Rama Naidu telah bekerjasama dengan Leong Ho Chiew untuk menyebarkan agama Baha'i pada 1975. Dalam tahun yang sama, G. Ramu Naidu, seorang Baha'i dari Jasin, Melaka telah berpindah ke Ladang Bikam, Sungkai, Perak sebagai Penolong Pengurus. Manakala, Y. Mariah dan Borno Das juga telah menyertai G. Ramu Naidu bekerja di ladang tersebut. Mereka berpindah ke tempat baharu setiap hari dan membuka kawasan-kawasan baharu di Perak selatan. Selepas 1976, aktiviti penyebaran telah ditumpukan kepada kawasan bandar seperti Tapah, Slim River, Teluk Intan, Kampar, Tanjong

Malim dan Sitiawan (A. Manisegaran 2003: 150). Kegiatan pendakwaan inilah yang mendedahkan masyarakat Orang Asli di RPS Jernang kepada agama Baha'i.

Sejarah titik tolak perkembangan agama Baha'i ini berlaku di Kampung Jeram Mengkuang. Apabila Kampung Jeram Mengkuang berpindah ke Kg. Chang, Bidor, aktiviti-aktiviti Baha'i turut tertumpu di Kg. Chang. Usaha gerakan penyebaran agama Baha'i yang dilakukan oleh pengajar-pengajar Baha'i bermula dari Kg. Chang hingga ke kawasan-kawasan penempatan Orang Asli di Sungkai dan Trolak. Antara tenaga pengajar yang menyebarkan fahaman Baha'i di kawasan Sungkai pada awal tahun 1960-an adalah En. Krisnan dan En. Maniam yang berasal dari Melaka (Manisegaran 2003).

En. Krisnan cuma berkhidmat dalam tempoh yang singkat berbanding En. Maniam yang berkhidmat dalam tempoh yang lama. Beliau dikenali sebagai "Penghulu Maniam" dalam kalangan kaum Baha'i. Deraoh Leman memainkan peranan yang penting dalam usaha mengajar komuniti Orang Asli di negeri Perak (Temubual En. Ganesa Murthi 1 Mac 2011). Sekitar tahun 1985, gerakan agama Baha'i terus berkembang ke Kg. Menderang, Sungkai. Kemudian, Batin Yok Senggat A/L Yok Gemok, dari Kg. Ras RPS Jernang telah berbincang dengan Batin-Batin kampung lain mengenai ajaran agama Baha'i dan mereka mula menganuti agama Baha'i. Bermula dari Kg. Menderang, ajaran agama Baha'i terus berkembang ke dalam masyarakat Orang Asli RPS Jernang. Penyebaran ajaran agama Baha'i di RPS Jernang diperkukuhkan lagi dengan penyertaan Batin-Batin dari setiap kampung di RPS Jernang dalam kursus-kursus, persidangan dan kelas pembelajaran agama Baha'i yang dianjurkan oleh Majlis Rohani Negara (Temubual bersama En. Mari Yariah dan Kugeneswaran Supramani pada 18 Februari 2011).

Selain daripada En. Maniam, penyebaran agama Baha'i diusahakan oleh En. Isaac De' Cruz, En. Ghana dan En. Ravi. Mereka mengembangkan ajaran agama Baha'i pada peringkat permulaan penyebaran agama ini di beberapa buah kampung di kawasan pedalaman sebelum RPS Jernang dilaksanakan sehingga bertapak kukuh di lima buah kampung di RPS Jernang. Hari ini, individu yang mengajar agama Baha'i di RPS Jernang adalah Mari Yariah dan Kugeneswaran. Mereka bertanggungjawab membimbing dan mengajar komuniti Orang Asli Baha'i di seluruh Semenanjung Malaysia khususnya di RPS Jernang, Sungkai (Temubual bersama R1, 18 Februari 2011).

## **AGAMA BAHAI DAN INSTITUSINYA**

Agama Baha'i berasal dari Iran dan penganutnya percaya bahawa ia bermula dari zaman Perwiraan Bab (1844-1921). Pada waktu ini ajaran agama disampaikan oleh Saiyyid Ali Muhamad yang merupakan "utusan Tuhan kepada manusia" (Hooshmand Fathea'zam, 1991: 28). Beliau berperanan untuk menyediakan ilmu pengetahuan kepada umat manusia sebelum kedatangan "Tokoh yang dijanjikan". Pada April 1863, Husyn Ali yang berasal dari Tehran telah mengumumkan dirinya sebagai "tokoh yang dijanjikan" dan menggunakan nama Baha'ullah. Penganut agama Baha'i percaya bahawa Baha'ullah ini mempunyai persamaan dengan Nabi Isa dan mempunyai kebijaksanaan yang luar biasa (Spiritual Assembly's of Baha'is of Malaysia 1988).

Agama yang bermula di Iran ini berkembang ke seluruh dunia kerana didorong oleh kegiatan penyebaran agama tersebut yang sangat aktif. Salah satu institusi

yang bertanggungjawab adalah Institusi Balai Keadilan Sedunia (BKS) yang mula ditubuhkan pada 1963. Ibu pejabat BKS terdapat di Haifa, Israel dan seluruh penganut agama ini tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh institusi ini. Di antara tugas BKS adalah untuk membentuk pelan-pelan pengajaran agama Baha'i di seluruh dunia dan melantik sebuah Lembaga Penasihat-Penasihat peringkat Benua (Spiritual Assembly of the Baha'is of Malaysia 1988).

Di Malaysia, kegiatan agama Baha'i diselenggarakan oleh Majlis Rohani Negara yang ditubuhkan sejak 1964 di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Ia didaftarkan secara rasmi pada 27 September 1974 dengan nama Majlis Rohani Negara atau The Spiritual Assembly of The Baha'is of Malaysia (Co. No, 18247-U). Majlis ini berfungsi sebagai badan komuniti yang mentadbir aktiviti-aktiviti keagamaan Baha'i dan menguruskan ajaran-ajaran Bahauallah di seluruh Malaysia. Ringkasnya, ia bertindak sebagai teras kepimpinan dan panduan kepada penganut Baha'i di ke semua 96 daerah di Semenanjung Malaysia.

Majlis Rohani Negara (MRN) dianggotai oleh sembilan orang ahli yang akan dipilih setiap tahun pada 21 April setiap tahun semasa perhimpunan penganut Baha'i di Malaysia. Ahli yang terpilih akan melaksanakan tugas mereka sebagai ketua komuniti Baha'i dan bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal komuniti Baha'i di Malaysia. Majlis Rohani Negara juga turut berperanan mempromosikan dan memastikan perluasan agama Baha'i ke seluruh negara (Temubual bersama En. Ganesa Murthi pada 1 Mac 2011, di Pusat Majlis Rohani Negara, Kuala Lumpur). MRN berfungsi untuk memastikan hubungan di antara cawangan-cawangan di peringkat lokal sentiasa terjalin dan bertindak sebagai pembimbing kepada Majlis Rohani Tempatan dalam aspek pembangunan sosial dan rohani (Manisegaran 2003).

Seterusnya, pentadbiran agama Baha'i di Malaysia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pentadbiran agama Baha'i di Semenanjung Malaysia, pentadbiran agama Baha'i di Sabah dan Sarawak serta pentadbiran agama Baha'i dalam kalangan komuniti Orang Asli (Temubual bersama En. M. Sinnathamby, setiausaha Majlis Rohani Negara pada 1 Mac 2011, di Pusat Pentadbiran Majlis Rohani Negara Kuala Lumpur). Penubuhan satu bahagian khusus untuk orang asli memperlihatkan bahawa mereka dianggap sebagai satu komuniti yang penting dalam komuniti penganut agama Baha'i.

Selanjutnya di peringkat lokal (yang melibatkan kampung atau bandar) ia ditadbir oleh Majlis Rohani Tempatan (MRT). Ahlinya terdiri dari kalangan pengikut-pengikut agama Baha'i di kawasan-kawasan kampung dan bandar. Tanggungjawab MRT yang terpenting adalah menolong penganut-penganut Baha'i menyampaikan perintah kepada Tuhan. Ia juga bertanggungjawab untuk merapatkan hubungan antara komuniti Baha'i bagi membentuk sebuah kesatuan dan menyelesaikan pertelingkahan yang wujud di antara komuniti Baha'i. MRT juga bertanggungjawab melakukan pernikahan Baha'i dan membantu menjalankan upacara pengebumian bagi penganut Baha'i yang telah meninggal dunia (A. Manisegaran 2003: 55).

Di RPS Jernang, pentadbiran agama Baha'i adalah di bawah pentadbiran Majlis Rohani Tempatan (MRT). Ahli-ahli MRT bagi setiap kampung di RPS Jernang diwakili oleh sembilan orang dari komuniti Orang Asli yang dipilih dan dilantik oleh penduduk kampung masing-masing. Oleh itu, terdapat lima buah Majlis Rohani Tempatan di RPS Jernang iaitu MRT Kg. Tidong, MRT Kg. Gamus, MRT Kg. Ras, MRT Kg. Kejau

dan MRT Kg. Sat. Peranan sesebuah MRT ialah menyelia pentadbiran agama Baha'i di kampung berkenaan dan merangka program-program keagamaan yang berkaitan dengan agama Baha'i serta menjadi rujukan kepada penganut-penganut Baha'i di kawasan berkenaan.

MRT berperanan mengendalikan setiap aktiviti keagamaan Baha'i yang dijalankan. Antaranya ialah Kenduri 19 Hari, Majlis Perhimpunan Doa, Kenduri Naw-Ruz, Pesta Ridvan dan sambutan Ayyam-i-ha. Walaupun terdapat beberapa lagi perayaan Hari Suci agama Baha'i, namun komuniti di RPS Jernang hanya menyambut beberapa perayaan Hari Suci yang utama sahaja. Selain itu, MRT juga bertanggungjawab mendaftarkan perkahwinan bagi pasangan Baha'i walaupun komuniti Orang Asli di RPS Jernang menjalankan upacara perkahwinan mengikut cara tradisi masyarakat Orang Asli. Dari segi dana pentadbiran MRT menurut PB2, MRT berdiri sepenuhnya dengan bantuan dari MRN dan sumbangan daripada penduduk kampung. Sumbangan dari penduduk kampung ketika Kenduri 19 Hari, digunakan sebagai dana bagi urusan-urusan penyelarasan dan pentadbiran di peringkat MRT. Badan Pertubuhan selain dari badan agama Baha'i tidak dibenarkan memberi sumbangan kepada pentadbiran MRT.

## **AJARAN AGAMA BAHAI DAN ORANG ASLI RPS JERNANG**

Masyarakat Orang Asli Baha'i di RPS Jernang, Sungkai mempercayai bahawa Tuhan mempunyai kuasa yang tertinggi. Mereka percaya akan kewujudan Tuhan yang satu. Mereka turut menggunakan perkataan Melayu "*Tuhan*" sebagai manifestasi Tuhan bagi agama Baha'i. Menurut R2, Tuhan akan mengutus Nabi mengikut zaman tanpa meninggalkan umatnya secara bersendirian melalui perjanjian-perjanjian yang telah ditinggalkan. Dalam konteks masa kini, perjanjian-perjanjian Tuhan adalah melalui kitab-kitab suci yang diwahyukan kepada Nabi Bab dan Nabi Baháulláh sehingga membentuk pentadbiran agama Baha'i melalui Balai Keadilan Sedunia (Temubual bersama R2 di Kg. Gamus, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Masyarakat Orang Asli turut percaya kepada kesatuan umat dalam ajaran agama Baha'i. Menurut R3, konsep kesatuan umat dunia dapat digambarkan melalui perumpamaan seperti berikut, "keindahan sesebuah taman bunga hanya akan terpancar apabila terdapat pelbagai bunga yang berwarna-warni". Berdasarkan perumpamaan tersebut, kesatuan umat manusia merupakan prinsip utama dalam agama Baha'i di seluruh dunia. (Temubual bersama R3, di Kg Gamus RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Hal ini jelas dibuktikan dengan kejayaan agama Baha'i yang menjadi agama kedua terbesar di dunia meliputi lebih dari 100,000 buah lokasi agama dan lebih dari 2,100 etnik yang pelbagai dari seluruh dunia (Baha'i International Community 2005: 13).

Ajaran agama Baha'i melarang umatnya menyertai bidang politik kerana mengikut fahaman Baha'i, amalan tersebut boleh memecah belahkan kaum kerana terdapat perbezaan ideologi dan fahaman. Dalam konteks gerakan berpolitik dalam komuniti yang dikaji, R14 menyatakan bahawa beliau tidak terlibat secara langsung dalam gerakan tersebut kerana kawasan RPS Jernang tidak terdedah dengan fahaman politik. Namun, gerakan mereka lebih tertumpu kepada gerakan menuntut hak dan keadilan terhadap pihak yang berwajib melalui penyertaan mereka dalam Badan Bukan Kerajaan

(NGO). Namun, beliau bertanggungjawab menyokong kepimpinan negara dengan menjalankan tanggungjawab mengundi pada pilihanraya umum serta patuh kepada pemerintahan negara (Temubual bersama R14, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Menurut R11, beliau percaya bahawa agama Baha'i menekankan aspek kesatuan umat manusia melalui kelas belajar berkumpulan seperti kelas Ru'hi, kelas belia muda, majlis perhimpunan doa dan aktiviti-aktiviti keagamaan yang diadakan di setiap kampung (Temubual bersama R11, di Kg Sat di RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Menurut Pengajar Baha'i 2 (PB2), sesiapa sahaja dalam kalangan bukan penganut Baha'i boleh menyertainya aktiviti keagamaan Baha'i yang dianjurkan oleh Majlis Rohani Tempatan. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut, mereka dapat berkumpul dan mengeratkan hubungan sesama ahli masyarakat (Temubual bersama Pengajar Baha'i 2, 18 Februari 2011).

Manakala R3 menyatakan bahawa ajaran Baha'i membawa kesedaran kepada diri akan tentang lebih mengenali diri sendiri, mengetahui tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, kewajipan yang diperintahkan oleh Tuhan serta mengenal nabi-nabi dan pemimpin-pemimpin agama Baha'i melalui kelas belajar berkumpulan yang disertai olehnya (Temubual bersama R3, di Kg Ras, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Menurut R12, tulisan-tulisan suci Bahauallah juga menjadi kekuatan kepada mereka untuk terus berpegang kepada ajaran Baha'i. Beliau mempercayai bahawa ajaran-ajaran agama Baha'i adalah benar kerana tidak bertentangan dengan cara hidup masyarakat Orang Asli. Oleh itu, beliau mempelajari tulisan-tulisan suci Bahauallah melalui kelas-kelas Ru'hi yang diadakan oleh Majlis Rohani Tempatan (Temubual bersama R12, di Kg Tidong, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Modul pembelajaran yang digunakan untuk mengajar komuniti Baha'i Orang Asli adalah menggunakan bahasa Melayu. Bagi sesetengah komuniti Baha'i yang tidak pandai membaca dan buta huruf, pengajar Baha'i akan menterjemahkan ajaran tersebut ke dalam bahasa Asli Semai iaitu bahasa yang boleh fahami oleh mereka. Menurut R16, selepas beliau menyertai kelas belajar berkumpulan tersebut, tahap pembacaannya semakin meningkat dan beliau dapat mengenal huruf serta membaca walaupun tidak begitu fasih. Justeru itu, pendekatan sebegini dilihat memberi perubahan yang positif kepada masyarakat Orang Asli dari segi pendidikan (Temubual bersama R16, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Jelasnya, agama Baha'i mengubah pandangan masyarakat Orang Asli kepada konsep Tuhan. Mereka menyakini kewujudan Tuhan dan ini amat berbeza berbanding dengan kepercayaan animism yang dianuti mereka sebelum ini. Selain itu, ia juga mempengaruhi nilai dan pandangan mereka berhubung sesuatu aspek dan ia agak ketara berhubung pandangan, penglibatan dan kesediaan mereka untuk terlibat dalam bidang politik.

## **PRAKTIS AGAMA BAHAI OLEH MASYARAKAT ORANG ASLI RPS JERNANG**

Masyarakat Orang Asli RPS mengamalkan prinsip agama Baha'i yang mementingkan aspek kebersihan. Berdasarkan pemerhatian, persekitaran kawasan rumah mereka bersih terutama bagi komuniti yang tinggal di rumah bantuan kerajaan. Kebanyakan



dari komuniti ini menerapkan unsur-unsur keagamaan di dalam rumah melalui amalan mengantungkan kalendar agama Baha'i dan gambar Abdu'l Baha' di dinding-dinding rumah mereka. Ia juga ketara dalam pergaulan harian kerana mereka mengamalkan teguran dengan ucapan yang berbunyi "A'llah-U-Abha" sambil berjabat tangan. Pengkaji memerhatikan amalan tersebut ketika komuniti ini mengadakan majlis perhimpunan doa, perjumpaan kaum bapa, lawatan ke rumah, dan sepanjang berada di kawasan kajian.

Dari segi amalan sembahyang, R4 mengakui bahawa beliau melakukan sembahyang setiap hari dengan membaca doa wajib. Beliau akan membaca doa wajib pendek bermula waktu terbit tengahari hingga ke waktu tergelincir matahari dan tidak pernah meninggalkan sembahyang kerana doa tersebut boleh dibaca dimana-mana sahaja tanpa ada peraturan yang khusus. Namun, terdapat beberapa orang responden mengakui membaca doa wajib sederhana dan doa wajib panjang sebagai melaksanakan kewajipan sembahyang. Oleh yang demikian, kewajipan melaksanakan sembahyang dalam ajaran agama Baha'i adalah melalui konsep berdoa.

Menurut R5, antara doa-doa yang selalu dibaca adalah doa wajib, doa bangun pagi, doa tengahari, doa malam, doa kesukaran, doa kesusahan, doa kanak-kanak, doa belia dan doa perlindungan. Doa-doa yang dibaca turut bergantung kepada situasi. Misalnya, jika berlaku kelahiran bayi baharu di kampung, mereka akan membaca doa kanak-kanak (Temubual bersama R5, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Menurut R17, dari segi kekerapan berdoa, beliau lebih banyak berdoa dalam Majlis Perhimpunan Doa. Walau bagaimanapun, beliau mempunyai koleksi peribadi buku doa-doa Baha'i sebagai rujukan ketika berdoa (Temubual bersama R17, di Kg Ras, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Dalam aspek perkahwinan pula, walaupun majoriti masyarakat Orang Asli beragama Baha'i, namun mereka masih menjalankan upacara perkahwinan mengikut budaya dan adat resam Orang Asli. Namun begitu, prinsip-prinsip perkahwinan agama Baha'i dipatuhi terlebih dahulu sebelum menjalankan upacara perkahwinan mengikut cara tradisi. Antara prinsip perkahwinan Baha'i yang diterangkan oleh R8 ialah pertama, pasangan yang hendak berkahwin perlu mendapatkan persetujuan daripada kedua orang tua dan seterusnya mendaftar perkahwinan tersebut di MRT (Temubual bersama R8, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Dalam komuniti Baha'i Orang Asli di RPS Jernang, sekiranya terdapat kelahiran bayi baru, golongan ibu khususnya akan membuat lawatan ke rumah dan membaca doa kelahiran Baha'i. Menurut, R3, konsep ziarah-menziarahi menjadi turut menjadi amalan dalam komuniti ini selain dari sambutan perayaan Naw-Ruz (Temubual bersama R3, di Kg Tidong, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Manakala bagi aspek kematian Baha'i, mayat si mati akan ditanam di tanah perkuburan di RPS Jernang. Menurut R7, dari segi upacara pengebumian, mereka akan membacakan doa khas kematian sebelum mayat ditanam dan seterusnya mengadakan kenduri sebagai tanda menghormati kematian yang berlaku di kampung mereka. Walau bagaimanapun, menurut R10, jika berlaku kematian bayi semasa dilahirkan, terdapat segelintir ibu bapa yang menanam mayat si anak di kawasan rumah mereka sahaja. Manakala menurut R9, perkara yang menjadi kemestian dalam kalangan komuniti Baha'i Orang Asli di RPS Jernang jika berlaku sesuatu kematian, mereka

akan memberi bantuan kepada keluarga si mati dengan menderma wang dan menggali lubang untuk upacara pengebumian mayat (Temubual bersama R7, R9 dan R10 di Kg Ras, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Dari konsep kekeluargaan Baha'i, keseluruhan daripada responden menyatakan bahawa agama Baha'i banyak membantu kelangsungan hidup dalam sebuah komuniti Orang Asli. Menurut R5, walaupun mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan, namun mereka masih dapat menjalin hubungan baik antara ibu bapa, anak-anak, sanak-saudara, rakan taulan dan sesama ahli keluarga. Mereka saling menyayangi antara satu sama lain, bertolak-ansur, bekerjasama, bantu-membantu tanpa mengira perbezaan saudara mahupun dengan jiran tetangga (Temubual bersama R5, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Manakala menurut R17, beliau menanam ubi kayu di sebidang tanah sebagai sumber makanan keluarga. Tetapi, semua penduduk kampung boleh mengambil ubi kayu tersebut untuk dijadikan bahan makanan. Ini kerana, ajaran Baha'i menggalakkan sikap bantu-membantu antara komuniti Baha'i di samping budaya Orang Asli yang tidak melihat perbezaan antara kaum (Temubual bersama R17, di Kg Sat, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan Baha'i, doa kesejahteraan adalah menjadi amalan dalam kehidupan mereka. Menurut R12, doa kesejahteraan akan dibaca dalam setiap ahli keluarga untuk mendapat kebaikan dari Tuhan. Kitab Al-Aqdas merupakan kitab paling suci dalam agama Baha'i. Menurut PB1, kitab tersebut masih tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, keseluruhan daripada responden mengakui tidak membaca kitab tersebut walaupun mempunyai koleksi peribadi sendiri hasil pemberian dari pengajar-pengajar Baha'i dari bandar yang datang ke kampung-kampung mereka. Menurut R16, walaupun mereka tidak membaca Kitab Al-Aqdas, tetapi mereka membaca tulisan-tulisan suci Bahauallah dan doa-doa agama Baha'i sebagai menjadi amalan harian mereka (Temubual bersama R16, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Penganut agama Baha'i menyambut bulan puasa Baha'i bermula pada 2 Mac hingga 20 Mac setiap tahun. Menurut R2, beliau tidak mengamalkan puasa penuh selama 19 hari ini. Beliau tidak berpuasa adalah disebabkan oleh faktor usia dan bebanan kerja yang tidak menentu terutama bagi golongan bapa (Temubual bersama R2, di Kg Tidong, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Namun, menurut R6 mewakili golongan ibu, mereka berpuasa setiap tahun seperti yang diperintahkan dalam ajaran agama Baha'i (Temubual bersama R6, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Amalan menderma adalah sebahagian dari amalan keagamaan masyarakat Orang Asli di RPS Jernang. Menurut R5, walaupun jumlah derma yang disumbangkan adalah tidak seberapa banyak, namun mereka tetap melaksanakan amalan menderma setiap kali Kenduri 19 Hari dan sambutan aktiviti keagamaan. Beliau juga mengetahui hasil derma yang terkumpul dibelanjakan untuk menyediakan juadah makanan ketika sambutan perayaan di samping sebagai dana pentadbiran pihak MRT (Temubual bersama R5, di Kg Gamus, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Manakala menurut R9, Sumbangan derma berbentuk wang digunakan untuk pembangunan kampung, aktiviti-aktiviti keagamaan, kelas belajar berkumpulan serta menampung kos untuk menyediakan jamuan makan ketika sambutan perayaan-perayaan agama Baha'i (Temubual bersama R9, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Sambutan perayaan Ayyam-i-ha dan Kenduri 19 Hari adalah amalan wajib dalam kalangan masyarakat Orang Asli di RPS Jernang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam sambutan Ayyam-i-ha bergantung kepada persetujuan bersama dalam mesyuarat di peringkat Majlis Rohani Tempatan. Menurut R15, jika berkesempatan beliau akan menyertai aktiviti sambutan Ayyam-i-ha kerana aktiviti tersebut memberi kebaikan kepada kampung seperti aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan kampung. Selain itu, komuniti RPS Jernang juga turut mengadakan perayaan kanak-kanak, bertukar-tukar hadiah dan berdoa semasa sambutan Ayyam-i-ha. Pada sambutan perayaan Ayyam-i-ha yang berlangsung pada 26 Februari hingga 1 Mac 2011, mereka telah bermuafakat untuk membina sebuah rumah buluh kepada seorang penduduk kampung yang kurang berkemampuan dan bergotong-royong membersihkan kawasan kampung masing-masing (Temubual bersama R15, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Ketika sambutan Naw-Ruz, iaitu perayaan Tahun Baru Baha'i. Mengikut kalendar Baha'i, selepas tamat puasa 19 hari, seluruh umat Baha'i akan menyambut perayaan Naw-Ruz. Di RPS Jernang, komuniti Orang Asli akan berkumpul di Pusat Baha'i di setiap kampung masing-masing untuk membaca doa sebagai memuliakan perayaan Tahun Baru. Mereka juga akan mengenakan pakaian baharu dan mengunjungi jiran tetangga. Manakala, bagi keluarga yang berkemampuan, mereka akan menyediakan sedikit juadah kepada tetamu yang bertandang ke rumah. Namun, perayaan ini disambut mengikut tahap kemampuan keluarga masing-masing.

## **AKTIVITI-AKTIVITI KEAGAMAAN BAHAI**

Menurut PB2, hampir keseluruhan penganut terlibat secara langsung dalam aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh MRT. Antara aktiviti-aktiviti keagamaan yang diadakan seperti majlis perhimpunan doa, kenduri 19 hari, perayaan refleksi, program-program kemasyarakatan dan kelas belajar berkumpulan seperti kelas kanak-kanak, kelas belia muda dan kelas Ru'hi (Temubual bersama PB2, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Sambutan terhadap program-program yang dijalankan oleh MRT bergantung kepada aktiviti yang dijalankan. Menurut PB2, jumlah kehadiran penduduk pada setiap program yang dijalankan adalah antara 40 hingga 200 orang. Dari jumlah tersebut, golongan ibu, belia muda, dan kanak-kanak merupakan peserta yang sentiasa mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh MRT. Manakala, penglibatan golongan bapa dan belia adalah sederhana disebabkan jadual kerja mereka yang tidak menentu (Temubual bersama PB2, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Salah satu majlis mingguan adalah Majlis Perhimpunan Doa. Di kampung Kejau, ia dijalankan pada pukul 8.00 malam, setiap hari Jumaat, bertempat di Pusat Gerakan Baha'i Kg. Kejau. Kampung-kampung lain di RPS Jernang turut mengadakan majlis perhimpunan doa setiap minggu pada waktu yang sama namun berbeza dari segi hari yang ditentukan oleh MRT setiap kampung. Pelbagai pelbagai lapisan umur menghadiri majlis tersebut dan ia dimulakan dengan ucapan pembukaan dan taklimat tentang doa-doa yang akan dibacakan.

Pembacaan doa dimulakan dengan amalan menutup mata dan salah seorang wakil dari mereka akan memulakan bacaan doa. Di antara doa-doa yang dibaca ialah doa

wajib, doa pertolongan, doa pertumbuhan rohani, doa keteguhan dalam waadat, doa kepujian dan kesyukuran dan sebagainya. Menurut PB1, doa wajib adalah doa yang wajib dibaca oleh semua penganut agama Baha'i. Bahaullah telah mewahyukan tiga doa wajib iaitu doa yang pendek, sederhana dan panjang. Kewajipan akan terlaksana sekiranya umat Baha'i membaca mana-mana dari doa tersebut mengikut cara yang telah ditentukan. Doa wajib pendek harus dibaca sekali dalam tempoh 24 jam iaitu antara waktu tengahari iaitu 12.00 tengahari sehingga waktu gelincir matahari.

Berdasarkan pemerhatian, komuniti Orang Asli membaca doa menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya serta melagukan doa tersebut ketika membaca doa. Kaedah melagukan doa turut digelar sebagai mencanting doa. Kebanyakan daripada mereka telah menghafal doa-doa dalam majlis perhimpunan doa tersebut. Bagi golongan yang tidak menghafal doa, mereka membaca doa berpandukan kepada buku doa-doa Baha'i koleksi peribadi masing-masing. Berdasarkan pemerhatian, golongan kanak-kanak juga menghafal doa yang dibacakan. Kanak-kanak diasuh membaca doa dalam kelas kanak-kanak. Selain itu, pendidikan formal yang diterima di sekolah memudahkan kanak-kanak menghafal doa kerana mereka boleh membaca dengan baik.



**Foto 1** Aktiviti Keagamaan

Menurut R16, berdoa adalah amalan yang diperlukan bagi menguatkan rohani sama seperti badan memerlukan makanan untuk zat tubuh badan. Doa juga merupakan percakapan dengan Tuhan melalui doa pagi, tengahari dan malam. Apabila berlaku sesuatu bencana atau terdapat penduduk kampung yang dilanda musibah kesihatan dari segi fizikal, maka mereka akan berkumpul beramai-ramai dan membaca doa kesembuhan dan doa kematian bagi orang yang telah meninggal dunia (Temubual bersama R16, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Manakala menurut PB1, beliau percaya bahawa doa sebagai kekuatan roh yang akan sampai kepada Tuhan (Temubual bersama PB1, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Selepas perhimpunan doa, MRT Kg. Kejau melakukan mesyuarat bersama-sama dengan penduduk kampung berkenaan sambutan perayaan Ayyam-i-ha<sup>1</sup>. Menurut PB2, Ayyam-i-ha yang juga dikenali sebagai hari-hari sisipan merupakan baki kepada hari-hari dalam kalendar agama Baha'i yang membawa jumlah selama 4 hingga 5 hari bagi setiap tahun. Dalam tempoh tersebut, umat Baha'i digalakkan melakukan seberapa banyak perkara-perkara amal kebajikan seperti menderma darah, menderma dana, bergotong-royong, memberi hadiah kepada golongan miskin, membantu orang cacat, membersihkan kubur dan mengabdikan diri kepada Tuhan sebelum mereka mula berpuasa pada 2 hingga 20 Mac pada setiap tahun.

Dalam mesyuarat sambutan perayaan Ayyam-i-ha, setiausaha MRT Kg. Kejau membaca surat dari Balai Keadilan Sedunia mengenai perutusan sempena sambutan Ayyam-i-ha kepada komuniti Orang Asli yang hadir. Berdasarkan pemerhatian, surat tersebut menyentuh tentang bagaimana umat Baha'i boleh meraikan sambutan Ayyam-i-ha serta berkenaan dengan keperluan Rancangan Lima Tahun yang akan datang. Kemudian, penduduk kampung berbincang tentang program yang akan diadakan sempena sambutan Ayyam-i-ha. Selepas perbincangan selesai, MRT Kg. Kejau memutuskan untuk membantu membina sebuah rumah baru kepada salah seorang penduduk kampung yang tidak berkemampuan serta mengadakan gotong-royong membersihkan kampung atas persetujuan bersama dari seluruh penduduk kampung yang hadir.

Semasa sambutan Ayyam-i-ha, pengkaji menyaksikan sambutan Ayyam-i-ha di Kg. Chang, Bidor, Perak. Antara program yang dilaksanakan oleh MRT Kg. Chang, Bidor ialah sambutan Ayyam-i-ha adalah Perayaan Kanak-Kanak seperti dalam gambar 4. Majlis Rohani Tempatan telah mengadakan perayaan kanak-kanak pada 26 Februari 2011. Dalam perayaan tersebut, kanak-kanak Baha'i Kg. Chang diminta membuat persembahan seperti menghafal doa, lakonan cerita-cerita moral, mencanting doa dan menyanyi lagu-lagu agama Baha'i. Aktiviti sebegini dapat memupuk semangat keberanian dan setiakawan dalam kalangan mereka. Majlis ini dikendalikan sepenuhnya oleh kanak-kanak dengan bimbingan dari pengajar-pengajar agama Baha'i.

Kenduri 19 Hari merupakan amalan wajib yang perlu dilaksanakan dalam ajaran agama Baha'i. Menurut wakil dari MRT Kg. Kejau, RPS Jernang, kenduri 19 hari merupakan salah aktiviti wajib yang akan diadakan seperti yang telah dijadualkan mengikut kalendar agama Baha'i. Walaupun, pengkaji tidak dapat menyaksikan Kenduri 19 Hari bersama dengan komuniti Orang Asli RPS Jernang, tetapi pengkaji berpeluang menyaksikan kenduri tersebut bersama komuniti Orang Asli Kg. Chang, Bidor pada 28 Februari 2011. Menurut PB1, Kenduri 19 Hari yang wajib diadakan oleh pentadbiran MRT ini merupakan satu pendekatan untuk memelihara kesatuan umat Baha'i melalui amanat-amanat dari Badan Keadilan Sedunia serta dapat memupuk perpaduan dalam

<sup>1</sup> Ayyam-i-ha, yang bermaksud "Hari-hari Ha"- perkataan "Ha" dalam abjad Arab sama dengan huruf H dalam bahasa Inggeris yang melambangkan bahawa keagungan Tuhan jauh lebih tinggi daripada sifat-sifatnya. Nama "Ha" juga pernah digunakan sebagai simbol "intisari Tuhan" dalam tulisan Suci Baha'i. Selama tempoh Ayyam-i-Ha, umat Baha'i digalakkan merayakan Tuhan dan Keesaan-Nya dengan menunjukkan kasih-sayang, persahabatan dan kesatuan terhadap rakyat umum. Ia juga merupakan satu masa bagi perbuatan amal dan belas kasihan dan biasanya masyarakat Baha'i akan terlibat dalam pelbagai projek kemanusiaan. Jadi, ayyam -i-Ha boleh dianggap sebagai hari-hari di luar lingkungan masa; hari-hari yang melambangkan keabadian, ketidakterhinggaan dan misteri dan Zat Tuhan Sendiri yang tidak diketahui. Walaupun semua hari adalah hari Tuhan tetapi hari-hari ini telah mempunyai keistimewaan yang berlebihan kerana ia dikhususkan bagi Zat Tuhan.

komuniti Baha'i melalui amalan perhimpunan yang diadakan (Temubual bersama PB1, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Kenduri 19 hari merangkumi tiga aspek utama iaitu sosial, pentadbiran dan kerohanian. Dari aspek kerohanian, mereka membaca doa beramai-ramai sebelum majlis bermula. Manakala, dari aspek pentadbiran, setiausaha MRT akan membacakan surat kenduri 19 hari dari Majlis Rohani Negara. Antara isi kandungan surat ialah berkaitan sambutan bulan puasa Baha'i yang akan disambut oleh semua penganut Baha'i bermula pada 1 hingga 20 Mac pada setiap tahun.

Kemudian, ahli-ahli MRT akan mengemukakan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan pentadbiran agama Baha'i di kampung berkenaan dan hal-hal terkini tentang rancangan penambahbaikan kampung, yang memerlukan perbincangan bersama oleh semua komuniti Baha'i yang hadir. Berdasarkan pemerhatian, interaksi dan kerjasama antara mereka sangat baik. Melalui perhimpunan ini, Bendahari MRT akan mengumpul dana bagi kewangan Baha'i. Jumlah dana yang disalurkan adalah tidak terhad dan mereka bebas menyalurkan dana tersebut ke mana-mana bahagian sumbangan yang mereka pilih berdasarkan borang yang telah diedarkan kepada mereka terlebih dahulu. Kemudian mereka akan berdo'a sebagai tanda penutupan majlis. Setelah majlis bersurai, tetamu yang hadir akan dijamukan dengan makanan yang telah dibawa oleh setiap komuniti yang hadir. Aspek sosial sebegini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan persaudaraan antara komuniti yang hadir serta dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan komuniti ini.

Kelas belajar berkumpulan seperti kelas kanak-kanak, kelas belia muda dan kelas Ru'hi merupakan antara aktiviti yang giat dijalankan oleh pengajar-pengajar Baha'i di RPS Jernang. Menurut PB1, setiap kelas belajar berkumpulan yang diadakan dalam setiap komuniti Baha'i adalah berpandukan kepada modul yang telah dibekalkan (Temubual bersama PB1, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011). Menurut PB3, setelah 30 tahun Institut Ru'hi di Colombia menjalankan kajian ke atas penganut agama Baha'i di Afrika dan Colombia, didapati bahawa kelas Ru'hi merupakan program yang berkesan untuk mengekalkan semangat beragama serta mengabdikan diri kepada Tuhan. Beliau turut menjelaskan bahawa kurikulum dalam modul pembelajaran buku Ru'hi digubal oleh Lembaga Pusat Baha'i di Balai Keadilan Sedunia di Haifa. Sehingga ke hari ini, seluruh penganut Baha'i di dunia menggunakan modul yang sama iaitu buku-buku Ru'hi dari peringkat 1 hingga 7 seperti dalam foto 2, yang menekankan aspek-aspek kerohanian individu dan akan dikembangkan kepada peringkat yang seterusnya iaitu sehingga ke-peringkat 18 (Temubual bersama PB3 di Pusat Majlis Rohani Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2011).

Dalam konteks belajar berkumpulan dalam komuniti Orang Asli RPS Jernang, R9 menyatakan bahawa beliau turut menyertai kelas Ru'hi. Namun, beliau hanya berjaya menghabiskan pembelajaran Ru'hi di peringkat ketiga sahaja. Menurut, PB2, sebahagian daripada masyarakat Orang Asli tidak menghabiskan pembelajaran Ru'hi terutama golongan belia. Walau bagaimanapun, sudah terdapat tenaga pengajar agama Baha'i yang terdiri daripada komuniti Orang Asli sendiri yang mengajar kelas kanak-kanak dan belia muda dengan syarat iaitu mereka perlu menghabiskan pembelajaran buku Ru'hi terlebih dahulu (Temubual bersama PB2, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).

Berdasarkan penerangan dari PB1, buku-buku Ru'hi bagi komuniti Orang Asli tidak diterjemahkan dalam bahasa Orang Asli kerana kepelbagaian bahasa Orang Asli mengikut suku kaum. Maka, buku tersebut hanya diterjemahkan dalam bahasa Melayu untuk digunakan oleh seluruh komuniti Orang Asli di Semenanjung. Kanak-kanak lebih arif menggunakan bahasa Melayu, manakala bagi sebahagian Orang Asli yang buta huruf, pengajar Baha'i seperti Kugen, Roky, Kamisah, Salina dan lain-lain akan menterjemahkannya dalam bahasa Asli Semai. Menurut En. Ganesa, beliau dan pentadbiran Majlis Rohani Negara berasa bangga kerana ramai dari kalangan Orang Asli di seluruh Malaysia yang menganut agama Baha'i telah berjaya menghabiskan pembelajaran buku Ru'hi hingga ke peringkat 7 dan selepas itu, menjadi tenaga pengajar Baha'i dalam kalangan komuniti mereka sendiri (Temubual bersama En. Ganesa Murthi di Pusat Majlis Rohani Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2011).

Menurut pandangan PB1, kelas kelompok Belia Muda amat ditekankan di RPS Jernang bagi mengawal masalah sosial dalam kalangan belia. Kelas kelompok belia muda terdiri daripada belia yang berumur antara 12 hingga 14 tahun dikendalikan oleh Cik Salina dan Cik Aling. Manakala, kelas kanak-kanak yang berusia antara 6 hingga 11 tahun dikendalikan oleh Cik Sahara dan En. Masti. Kelas Ru'hi peringkat 1 hingga 7 pula dikendalikan oleh En. Kugen, En. Roky, En. Santa dan Cik Kamisah. Salah satu aktiviti belajar berkumpulan yang diperhatikan oleh pengkaji ialah kelas belajar kanak-kanak di Kg. Sat, iaitu kampung terakhir di RPS Jernang (Temubual bersama PB1, di Kg Kejau, RPS Jernang, Sungkai pada 18 Februari 2011).



**Foto 2** Sebahagian dari Modul belajar berkumpulan di RPS Jernang

Pada 2 Februari 2011, semua MRT di RPS Jernang bekerjasama mengadakan perayaan refleksi. Menurut PB2, Pemilihan tarikh bagi perayaan refleksi adalah bergantung kepada masa yang sesuai dan ditentukan oleh pentadbiran Komuniti Pembangunan Kluster (CGC) Sungkai dan Trolak. Perayaan refleksi adalah rancangan bagi setiap tiga bulan untuk membuat menetapkan matlamat mengenai pentadbiran agama Baha'i dan menyambut pencapaian atas segala matlamat yang telah berjaya

dilaksanakan. Antara perkara yang dibincangkan semasa perayaan refleksi ialah mencari penyelaras dan pengajar bagi kelas-kelas belajar berkumpulan. Selain itu, mereka akan membuat refleksi tentang program-program dijalankan oleh MRT setiap kampung seperti Kenduri 19 Hari, Lawatan Rumah, Kelompok Belajar Berkumpulan, Kelas Kanak-Kanak, Kelas Belia Muda dan Majlis Perhimpunan Doa.

MRT setiap kampung di RPS Jernang adalah di bawah pentadbiran Komuniti Pembangunan Kluster (CGC) Sungkai dan Trolak. Apabila setiap kali perayaan refleksi diadakan, wakil dari CGC akan mengendalikan majlis tersebut dan merangka bersama matlamat pentadbiran agama Baha'i di RPS Jernang bagi setiap tiga bulan yang akan datang serta membuat penambahbaikan terhadap program-program yang telah dilaksanakan.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli RPS Jernang mempercayai ajaran-ajaran agama Baha'i. Komuniti ini mempercayai konsep Keesaan Tuhan, kesatuan agama dan kesatuan umat manusia. Kepercayaan ini dikukuhkan dengan ajaran-ajaran yang diterima sewaktu menyertai kelas-kelas belajar berkumpulan yang mempunyai modul yang khas sebagai asas mengenal prinsip dan kepercayaan agama Baha'i. Walau bagaimanapun, dari aspek amalan agama, mereka tidak sepenuhnya mengamalkan kewajipan yang dituntut dalam ajaran agama Baha'i. Hal ini disebabkan, pemusatan agama Baha'i di kawasan RPS Jernang masih lagi di peringkat pengukuhan agama. Terdapat beberapa kewajipan agama Baha'i seperti dari aspek perkahwinan dan kematian tidak dilaksanakan mengikut ajaran agama, sebaliknya mereka melaksanakan mengikut budaya dan adat resam nenek moyang. Namun, usaha pengukuhan agama giat dilaksanakan dengan adanya tenaga Baha'i sepenuh masa dan sukarelawan Baha'i di RPS Jernang sejak lima tahun yang lalu.

## RUJUKAN

- Baha'i International Community. 2005. *The Baha'is*. Baha'i Distribution Services.
- Hooshmand Fathe'zam. 1999. *Taman baru*. Baha'i Kuala Lumpur: Publishing Trust Malaysia.
- Manisegaran, A. 2003. *Jewel among nations*, Madras: Splendour Publication.
- Mustafa Omar. 2008. *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laporan oleh Ganesa Murthi, yang bertajuk "*The History of The Orang Asli Community of Malaysia*"
- Spiritual Assembly of the Baha'is of Malaysia. 1995. *Sinaran Baha'ullah*. Kuala Lumpur: Dinesh Publication.
- Temubual bersama En. Venue Kavi Senniah pada 15 Januari 2011 di Tanjung Malim, Perak.
- Temubual bersama Pengurus RPS Jernang, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada 17 Februari 2011 di Pusat Pentadbiran RPS Jernang, Sungkai.
- Temubual bersama En. Mari Yariah pada 18 Februari 2011, di RPS Jernang, Sungkai.
- Temubual bersama Kugeneswaran Supramani pada 18 Februari 2011, di RPS Jernang, Sungkai.
- Temubual bersama Responden Kajian, (R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11, R12, R13, R14, R15, R16, R17, R18, R19 dan R20) pada 17-19 Februari 2011 di RPS Jernang, Sungkai.



Temubual bersama Ganesa Murthi M. Sinnathamby, Setiausaha Majlis Rohani Negara Malaysia pada 1 Mac 2011 di Majlis Rohani Negara, Kuala Lumpur.

Yong Oi Lai. 2003. Pengaruh Agama Buddha Dalam Gaya Hidup Remaja. Universiti Malaya. Tidak Diterbitkan.